



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2016/01/02 (HQ)

### **1,000 POKOK DITANAM DI MELAKA UNTUK PROGRAM *TREE FOR A TREE* TNB**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan NGO, Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) membuka tirai program *Tree for a Tree* bagi tahun 2016 dengan penanaman 1,000 anak pokok pelbagai jenis di Dataran 1Malaysia, Klebang, Melaka.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB ini menzahirkan komitmen syarikat terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Ia telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Haji Idris Haji Haron.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin dalam ucapannya berkata aktiviti menanam pokok sebegini telah dijalankan oleh TNB sejak tahun 2007 lagi dengan skala kecil.

Namun, bermula 2015 TNB melaksanakan program ini dengan skala besar bersama PEKA sebagai rakan alam sekitar serta pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan aktiviti penanaman pokok di taman-taman awam yang terpilih.

Sebanyak 1,000 anak pokok telah ditanam di Taman Pasif, Kuantan, Pahang, pada 29 Ogos 2015. Dataran 1Malaysia, Klebang merupakan lokasi kedua program ini dilaksanakan.

Bagi memastikan kelangsungan usaha ini, penyelarasan dan pemantauan terhadap kemajuan pokok-pokok akan dibuat untuk memastikan pokok yang ditanam dapat hidup dan membesar dengan baik dalam tempoh tiga tahun, kata Aminuddin.

“TNB akan terus komited untuk melaksana dan menjayakan program ini di seluruh negara, dengan menjadikannya sebagai program CSR tahunan syarikat,” katanya lagi.

Program hari ini disertai kira-kira 300 orang sukarelawan terdiri daripada warga kerja TNB, para pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Komuniti Tangga Batu, dan orang awam.

Mereka menanam 1,000 anak pokok dari spesis Bintangor Laut, Balau Laut, Bebaru dan Melaka.

**Dikeluarkan di Melaka pada 3 Januari 2016**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus 019-266 2296  
atau Hawa Hj Anwar 019-269 1907*